



ALBUM...Para pensyarah yang terlibat dalam program itu merakamkan gambar kenangan.

## SPKAL anjur program Retreat Akademik 2011

UB 18/06/2011

B3

LABUAN: Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) telah menganjurkan program Retreat Akademik SPKAL di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan, baru-baru ini.

Program itu bertujuan memantapkan kurikulum program pengajaran selaras dengan keperluan pasaran kerja semasa, meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran untuk

menghasilkan pelajar yang berkualiti selari dengan aspirasi negara.

Retreat itu dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor Akademik dan Pengantarabangsaan, UMS, Prof Dr Amran Ahmed.

Turut hadir Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Sharif Abd Kadir Omang Al-Haj, Pemangku Dekan SPKAL, Prof Madya Dr Norazah Mohd Suki, Penolong Pendaftar Kanan SPKAL, Roslan Gimba dan 75 orang pensyarah.

Dalam ucapan perasmianya, Amran mengucapkan tahniah kepada pihak SPKAL atas inisiatif yang diambil untuk mengadakan program retreat itu kerana ianya penting untuk mengemaskini kurikulum pengajaran bagi mempersiapkan pelajar dengan ilmu pengetahuan yang dapat memenuhi

kehendak majikan di pasaran.

Manakala Norazah pula berkata, SPKAL bertekad untuk melahirkan modal insan terlatih dan kompetitif dalam bidang pengurusan perniagaan antarabangsa.

Katanya, fokus struktur program akademik yang ditawarkan SPKAL ialah pengurusan perniagaan antarabangsa yang berteraskan kepada teori dan amalan semasa serta disokong oleh kemahiran aplikasi teknologi maklumat dan multimedia.

Untuk memenuhi inspirasi ini dengan lebih kompetitif mengikut kehendak dan permintaan pasaran dan persekitaran sebenar, SPKAL telah menjemput beberapa tenaga pakar rujuk dari pelbagai institusi pengajaran tinggi awam dan pihak industri berdasarkan program-program yang

ditawarkan di SPKAL iaitu Kewangan Antarabangsa, Perbankan Antarabangsa dan Luar Pesisir, Pemasaran Antarabangsa, Ekonomi Kewangan Antarabangsa dan Kewangan Islam.

Tenaga pakar rujuk yang dijemput adalah Prof Madya Dr Zamri Ahmad (USM), Raymond Wai Bun Wong (Equity Trust Group), Prof Madya Dr Ricardo Baba (Unimas), Prof Osman Mohamad (USM), Prof Dr Mansor Ibrahim (UPM), Abdul Salam Chandran Abdullah (Labuan FSA), Hasmawi Awang Hashim (Bank Islam Malaysia Bhd) dan Zamaluddin Palalun (Bank Islam Malaysia Bhd).

Diakhiri retreat, para ketua program di SPKAL telah membentangkan resolusi mengikut setiap program yang ditawarkan di sekolah berkenaan.